



PELAJARAN 3 Hukum Tajwid: Hukum Mad

1. (a) (i) Memanjangkan bacaan kerana terdapat huruf mad
(ii) Bacaan sepanjang 2 harakat
(iii) كِتَابٌ
 - (b) (i) Huruf mad yang bertemu dengan huruf hijaiyah di akhir kalimah dan dibaca secara wakaf
(ii) Bacaan sepanjang 2, 4 atau 6 harakat
(iii) خَالِدُونَ
 - (c) (i) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam satu kalimah
(ii) Bacaan sepanjang 4 atau 5 harakat
(iii) سَوَاءٌ
 - (d) (i) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam dua kalimah berlainan
(ii) Bacaan sepanjang 4 atau 5 harakat
(iii) وَلَآأَنْتُمْ
 - (e) (i) Huruf lin (و or ي) bertanda sukun didahului sebelumnya huruf berbaris atas dan dibaca secara waqaf
(ii) Bacaan sepanjang 2, 4 dan 6 harakat
(iii) قُرَيْشٍ
 - (f) (i) Huruf mad yang berbaris dua di atas (ـُـ) dibaca dengan baris satu di atas (ـَـ) ketika wakaf, dengan bacaan mad.
(ii) Tanwin (an) dihilangkan dan dibaca seperti fathah biasa dengan panjang 2 harakat
(iii) سَمِيعًا
 - (g) (i) Huruf hamzah bertemu dengan huruf-huruf mad dalam satu kalimah.
(ii) Bacaan sepanjang 2 harakat
(iii) إِيْمَانٍ
2. (a) Mad 'iwadh
(b) Mad 'iwadh
(c) Mad lin
(d) Mad lin
(e) Mad arid lissukun
(f) Mad arid lissukun
3. اُولَئِكَ , الْمُحْسِنِينَ , لِلْمُتَّقِينَ
4. Aktiviti murid

POWER PT3

1. (a) (i) Mad asli
(ii) Mad wajib muttasil
(iii) Mad a'rid lissukun
(iv) Mad badal
- (b) (i) Huruf mad yang bertemu dengan huruf hijaiyah di akhir kalimah dan dibaca secara wakaf.
(ii) Huruf lin (و or ي) bertanda sukun didahului sebelumnya huruf berbaris atas dan dibaca secara waqaf.
(iii) Huruf hamzah berada sebelum huruf mad di dalam satu kalimah.
- (c) (i) الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى
(ii) خَلَقْنَا أُمَّةً
(iii) وَبِهِ يَعْدِلُونَ

POWER KBAT

1. Pembaca akan mendapat dosa kerana mengabaikan hukum tajwid yang telah diketahui. Hal ini kerana dalam prinsip ilmu tajwid adalah penting untuk memastikan al-Quran dibaca dengan betul dan menjaga lidah daripada membuat kesalahan. Oleh itu, kita hendaklah membaca al-Quran dengan bertajwid agar tergolong dalam kalangan umat yang mengikut perintah Allah dan prinsip ilmu Islam.
2. Mempelajari hukum-hukum bacaan al-Quran seperti hukum nun dan mim sakinah adalah fardu kifayah supaya dapat memastikan bacaan adalah secara bertajwid. Hal ini kerana membaca al-Quran secara bertajwid adalah wajib dalam Islam. Kesannya, hasil bacaan tersebut dapat membentuk akhlak mulia. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menitikberatkan hukum tajwid ketika membaca al-Quran agar bacaan tersebut memberi faedah kepada pembacanya.
3. Pada pendapat saya, dengan mempelajari ilmu tajwid, seseorang itu akan terhindar daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang merosakkan bacaan al-Qurannya, dapat meningkatkan minat membaca al-Quran, akan berasa yakin semasa membaca al-Quran dan menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kita hendaklah mempelajari ilmu tajwid agar dapat membaca al-Quran seperti Rasulullah SAW yang penuh khusyuk dan bertajwid.